# buletin landskap negara

EDISI 2019



## HARI LANDSKAP NEGARA 2019

## SOROTAN SAMBUTAN DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA

## TEMA

## MALAYSIA NEGARA TAMAN TERINDAH

Jabatan Landskap Negara | landskapnegara | landskapnegara | http://www.jln.gov.my/






# ISI KANDUNGAN



## FOKUS





## PERISTIWA





## PROGRAM TERAS JLN





## SERANTA @ JLN





## PERSPEKTIF







## KEMPEN TANAM POKOK





## BINGKISAN PBT



MLAA

HONOUR AWARD

GOVERNMENT CATEGORY

GREEN INITIATIVES AWARD

Agrobox

Government Agency

Majlis Bandaraya Petaling Jaya





# Perutusan Ketua Pengarah
## Jabatan Landskap Negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera kepada semua pembaca Buletin Landskap Negara.

Penubuhan Jabatan Landskap Negara pada 1 Januari 1996 telah menggariskan hasrat untuk membangunkan industri landskap negara ke tahap yang dapat diterima oleh seluruh masyarakat Malaysia. Sejak dari penubuhannya, Jabatan Landskap Negara mengalami evolusi yang berterusan, berkembang dan sentiasa melalui paradigma baharu bagi memastikan ianya sentiasa kekal kukuh, mantap dan relevan dengan aspirasi pembangunan negara. Setelah 23 tahun menerajui pembangunan landskap negara, Jabatan sentiasa bergerak ke hadapan dalam melaksanakan polisi dan program pembangunan landskap sejajar dengan hasrat dan aspirasi kerajaan. Pastinya usaha dan prestasi yang membanggakan ini mencerminkan komitmen dan kejayaan Jabatan yang perlu diteruskan momentumnya dalam menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Bagi saya, proses memperkasakan Jabatan sentiasa dinamik dan berterusan, terutama setelah berada di bawah naungan Kementerian Wilayah Persekutuan bermula Oktober 2018. Jabatan akan berusaha untuk memastikan perancangan dan pembangunan landskap yang dilaksanakan selari dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang memberi fokus kepada bandaraya bersih, melestarikan persekitaran hijau, melaksanakan pembangunan komuniti yang inklusif, berdaya saing, meningkatkan tahap keselamatan awam, meningkatkan tahap kecekapan atau *efficiency* sistem pengangkutan awam, serta menyasarkan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan.

Justeru itu, Buletin Landskap Negara pada kali ini memfokuskan kepada sambutan Hari Landskap Negara 2019 yang telah disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Peristiwa ini amat bermakna kepada Jabatan Landskap Negara kerana pada 23 tahun yang lepas, figura yang sama telah mengilhamkan sambutan Hari Landskap Negara bersempena Pelancaran Kempen Menanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997. Buletin pada kali ini juga turut memaparkan projek-projek Jabatan yang telah siap dilaksanakan sepanjang tahun 2018 serta sumbangan artikel daripada pihak berkuasa tempatan.

Saya berharap agar usaha Jabatan dalam memperkasakan program dan maklumat terkini Jabatan, menggalakkan perkongsian ilmu, inovasi dan industri landskap disamping memupuk budaya kecintaan terhadap landskap melalui penerbitan Buletin Landskap Negara akan sentiasa mendapat sokongan semua pihak. Semoga segala usaha kita ini diredhai dan dirahmati Allah dan legasi kecemerlangan Jabatan Landskap Negara ini akan berterusan.

Sekian, wassalam.

**ROTINA BINTI MOHD. DAIK**
**KETUA PENGARAH**
**JABATAN LANDSKAP NEGARA**

# Editorial Buletin Landskap Negara


**PENASIHAT**
Rotina binti Mohd Daik

**KETUA EDITOR**
Meor Saadon Sofian bin Mior Razali

**EDITOR**
Mohd Saifuddin bin Ali

**SIDANG PENGARANG**
Nor Arfah binti Mohd Ishak
Mohd Saifudin bin Ali
Ramona binti Razali
Intan Syafinaz binti Lazim
Mohd Nasir bin Mohamed
Mohd Norsobirin bin Jamsari
Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham
Norjuridah binti Kasmuri
Adam bin Ali
Dalila binti Mohd Noor
Mohd Faizal bin Nashahar
Nurbaiti binti Abd Wahab (MBPJ)

**URUS SETIA**
Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
Noraleza binti Ahmad
Bahagian Promosi Dan Industri Landskap

**KONSEP REKABENTUK**
Mohd Saifudin bin Ali

FOKUS

# YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD SEMPURNAKAN PELANCARAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019

Penulis:
Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
dan Noraleza binti Ahmad
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Hari Landskap Negara 2019 (HLN2019) diraikan pada setiap tahun bermula pada 3 Mac 1998. Sejarah sambutan bermula daripada kejayaan pelancaran Program Kempen Tanam Pokok Seluruh Negara pada 3 Mac 1997 oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri pada masa itu. Tahun ini merupakan sambutan kali yang ke-21 dan menariknya ia dirai buat pertama kali bersama Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

## Tujuan dan Tema HLN2019

Tujuan sambutan HLN2019 adalah untuk menggerakkan budaya kecintaan terhadap landskap dalam kalangan rakyat seluruh negara selaras dengan Teras 1 Dasar Landskap Negara iaitu Membudayakan Kecintaan Terhadap Landskap. Ia juga bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah.

Sambutan HLN2019 bertemakan "Malaysia Negara Taman Terindah" selaras dengan hasrat KWP yang memberi penekanan kepada penyediaan kawasan hijau yang berkualiti sebagai antara indikator pencapaian negara maju. Ia juga adalah manifestasi kesungguhan pihak kerajaan dalam melaksanakan program perlandskapan secara komprehensif ke arah mencapai persekitaran hidup yang kondusif, berkualiti dan menyeluruh.

## Majlis Perasmian HLN2019

Sambutan HLN2019 telah diadakan pada 1 hingga 3 Mac 2019 bertempat di Taman Botani Putrajaya. Majlis Perasmian HLN2019 berlangsung pada 3 Mac 2019 dan telah disempurnakan oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia. Sewaktu pelancaran gimik perasmian, beliau turut diiringi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berhormat Datuk Dr. Shahruddin bin Md, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Yang Berbahagia Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Puan Hajah Rotina binti Mohd. Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara.

Antara tetamu jemputan kehormat adalah isteri Menteri Wilayah Persekutuan, YBhg. Prof. Dr Zaitun Abu Bakar, Pengurusan Tertinggi KWP, pegawai-pegawai daripada jabatan-jabatan kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan. Selain itu juga, Jabatan telah menjemput pengiat industri iaitu arkitek landskap yang memainkan peranan penting dalam memajukan industri landskap negara.

## Pengiktirafan Negara Taman Terindah

Sambutan Hari Landskap Negara pada kali ini amat istimewa kerana julung-julung kalinya meraikan usaha dan sumbangan pihak-pihak yang telah melaksanakan perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap secara komprehensif dan berinovasi melalui pengiktirafan Negara Taman Terindah. Terdapat empat kategori yang telah disampaikan iaitu Inisiatif Negara Taman Terindah, pengiktirafan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan landskap secara komprehensif di kawasan masing-masing, baik dari segi perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap. Inisiatif Komuniti Negara Taman adalah pengiktirafan kepada komuniti yang proaktif dalam kerja-kerja pelandskapan, keindahan dan penghijauan kawasan kejiranan.

Inisiatif Negara Taman pula mengiktiraf sumbangan pemaju yang secara cemerlang melaksanakan pembangunan lestari dengan mengekal, membangun dan mengurus kawasan landskap dalam kawasan penempatan yang dibangunkan. Manakala Inisiatif Sukarelawan Negara Taman adalah pengiktirafan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang secara luar biasa telah menggerakkan usaha-usaha kesedaran, pengembangan dan promosi landskap kepada masyarakat. Ianya lebih bermakna apabila semua pengiktirafan tersebut telah disampaikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri kepada pemenang-pemenang inisiatif.

# FOKUS

## Tarikan Pengunjung di HLN2019

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sempena HLN2019 yang melibatkan orang awam iaitu pertandingan gubahan bunga, pertandingan *park race, mural painting,* pertandingan melukis dan mewarna, sukan rakyat dan eksplorasi taman botani. Beberapa lawatan dari komuniti sekitar putrajaya juga telah berlangsung. Aktiviti lain yang turut diadakan sepanjang tiga hari tersebut adalah ceramah, senamrobik, persembahan *buskers*, pameran oleh jabatan dan agensi kerajaan, jualan produk landskap dan *food truck*.

Jabatan juga menganjurkan *expert talk* berkaitan landskap dan hortikultur hiasan oleh pakar-pakar bidang seni bina landskap dari Jabatan Landskap Negara dan pihak industri. Harapan Jabatan agar aktiviti-aktiviti ini dapat meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang awam berkaitan landskap, memupuk minat dan membudayakan landskap selain membuka ruang kepada penggiat industri landskap untuk mempromosikan perkhidmatan dan produk mereka.

## Jalinan Kerjasama HLN2019

Sambutan HLN2019 dijayakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan di mana Jabatan Landskap Negara sebagai penganjur dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagai rakan penganjur. Jabatan juga mendapat kerjasama daripada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Pejabat Kesihatan Wilayah Putrajaya dan RELA.

Sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh semua pihak bagi memastikan kelancaran dan kejayaan sambutan pada kali ini amatlah dihargai oleh Jabatan. Semoga sambutan Hari Landskap Negara pada tahun 2019 ini dapat memastikan kesedaran masyarakat Malaysia untuk membudayakan landskap supaya kita sama-sama dapat menyumbang kepada sebuah Negara Taman Terindah. Jumpa lagi tahun hadapan!



# FOKUS

## PEMENANG INISIATIF NEGARA TAMAN TERINDAH




**1** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur




**2** Perbadanan Putrajaya




**3** Majlis Bandaraya Iskandar Puteri

## PEMENANG INISIATIF LANDSKAP KOMUNITI NEGARA TAMAN



**1** Pertanian Bandar Putrajaya, Perbadanan Putrajaya



**2** Kebun Komuniti USJ 14, Majlis Perbandaran Subang



**3** Taman Cendana, Majlis Perbandaran Pasir Gudang

## INISIATIF NEGARA TAMAN



Gamuda Land Sdn. Bhd.



IOI Properties Group Bhd.



EcoWorld Development Sdn. Bhd.

## INISIATIF SUKARELAWAN NEGARA TAMAN



Pertubuhan Alam Sekitar EcoKnights Kuala Lumpur & Selangor

## SENARAI PENERIMA PENGIKTIRAFAN NEGARA TAMAN TERINDAH

Inisiatif Negara Taman Terindah
1. Tempat Pertama : Dewan Bandaraya Kuala Lumpur , (RM1,000,000.00)
2. Tempat Kedua : Perbadanan Putrajaya, (RM500,000.00)
3. Tempat Ketiga : Majlis Bandaraya Iskandar Puteri , (RM15,000.00)

Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman
1. Tempat Pertama : Pertanian Bandar Putrajaya, Perbadanan Putrajaya, (RM20,000.00)
2. Tempat Kedua : Kebun Komuniti USJ 14, Majlis Perbandaran Subang (RM15,000.00)
3. Tempat Ketiga : Taman Cendana, Majlis Perbandaran Pasir Gudang (RM10,000.00)

Inisiatif Negara Taman
1. EcoWorld Development Group Bhd.
2. IOI Properties Group Bhd.
3. Gamuda Land Sdn. Bhd.

Inisiatif Sukarelawan Negara Taman
Pertubuhan Alam Sekitar EcoKnights Kuala Lumpur & Selangor

# HARI LANDSKAP NEGARA



























# HARI LANDSKAP NEGARA

## TEMA 'MALAYSIA NEGARA TAMAN TERINDAH' MERIAHKAN SAMBUTAN HLN 2019



Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Puan Hajah Rotina binti Mohd. Daik

MALAYSIA Negara Taman Terindah telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Landskap Negara 2019 (HLN2019) yang berlangsung pada hari ini bertempat di Taman Botani, Putrajaya.

Setiap negeri di Malaysia akan menjadi tuan rumah HLN menerusi konsep penggiliran dan sambutan pertamanya telah diadakan pada 3 Mac 1998 di Taman Alam Kuala Selangor, Selangor. Penganjuran HLN2019 adalah sambutan kali ke-21 dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Pn. Hajah Rotina Mohd Daik berkata, maksud tema berkenaan boleh diterjemahkan sebagai usaha membangunkan sebuah negara gemilang dengan mengimbangkan pembangunan fizikal dan persekitaran hijau. Menurutnya, ia bukan sahaja diimbangi dengan persekitaran hijau, sebaliknya turut disokong dengan suasana bersih dan terurus, selain mempunyai ruang fizikal luaran yang unik, berkualiti serta beridentiti.

Di samping itu, tema tersebut memberi fokus bagi melahirkan masyarakat bertamadun dan berbudaya tinggi, sekali gus berupaya menghargai keseimbangan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi. Konsep "Malaysia Negara Taman Terindah" menerusi Teras Dasar Landskap Negara akan menjadi asas kepada matlamat dan hala tuju pembangunan landskap agar ia setaraf dengan kriteria antarabangsa," katanya kepada Kosmo! baru-baru ini.

Rotina menambah, objektif utama sambutan pada kali ini antaranya memberi fokus bagi menggerakkan budaya kecintaan rakyat terhadap landskap. Menurutnya lagi, pihaknya mahu menyalurkan sebanyak mungkin maklumat kepada masyarakat tentang landskap dan cara mengekalkannya agar terus terpelihara dan dapat dinikmati oleh setiap generasi.

"Selain itu, penganjuran acara itu juga bertujuan menyebarkan program pembangunan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Ini akan memberi makluman kepada rakyat berhubung peranan kami dalam memperindahkan kawasan setempat. Kami juga mahu meningkatkan kesedaran semua pihak agar menggiatkan usaha bagi mencapai matlamat Negara Taman Terindah menjelang Tahun 2020, selain turut menyokong industri landskap negara," ujarnya.

HLN2019 dianjurkan Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan termasuklah Perbadanan Putrajaya dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Acara yang berlangsung selama tiga hari itu bermula 1 Mac menawarkan pelbagai program menarik. Antaranya pameran agensi kerajaan, jualan produk landskap, bual bicara, pertandingan melukis, sukan rakyat dan gubahan bunga.

Lebih isitmewa, HLN2019 turut memperkenalkan inisiatif baharu dengan memberi pengiktirafan kepada pihak terlibat yang telah menjayakan pelbagai perancangan dan pembangunan landskap. Antara inisiatif diperkenalkan adalah Inisiatif Negara Taman Terindah yang memberi pengiktirafan kepada pihak berkuasa tempatan selain Inisiatif Landskap Komuniti Negara Taman dengan menganugerahkan komuniti proaktif dalam kerja landskap. "Inisiatif Sukarelawan Negara Taman pula akan memberi pengiktirafan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), manakala syarikat pemaju hartanah akan diraikan menerusi Inisiatif Negara Taman," katanya.

Berbicara mengenai proses penjurian inisiatif itu, Rotina menjelaskan, ia bermula sejak Februari lalu yang mana pihak terlibat mula menghantar hasil kerja mereka untuk dinilai.

"Proses tersebut merangkumi dua fasa melibatkan penilaian teknikal di peringkat pertama serta penjurian am dengan memfokuskan kepada konsep landskap di peringkat kedua," katanya.

*Artikel ini telah disiarkan di dalam surat khabar KOSMO terbitan 3 Mac 2019 bersempena Sambutan Hari Landskap Negara 2019



Sambutan HLN2019 berlangsung pada hari ini di Taman Botani, Putrajaya

# HARI LANDSKAP NEGARA





HLN2019 turut memperkenalkan satu inisiatif baharu dengan memberi pengiktirafan kepada pihak terlibat yang telah menjayakan pelbagai perancangan dan pembangunan landskap



Malaysia bukan sahaja perlu diimbangi dengan persekitaran hijau, sebaliknya turut disokong dengan suasana bersih dan terurus dengan ruang fizikal luaran unik, berkualiti dan beridentiti



Jabatan Landskap Negara bakal meningkatkan kesedaran semua pihak agar menggiatkan usaha bagi mencapai matlamat Negara Taman Terindah Menjelang tahun 2020

# PROGRAM TERAS JLN

## LAMAN KAMPUNG MELAYU KLUANG "RUANG HIJAU UNTUK KOMUNITI"

Penulis : Ramona bt Razali
Bahagian Khidmat Teknikal

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah, penyediaan ruang hijau dan rekreasi untuk keperluan komuniti adalah amat bertepatan dengan hasrat tersebut. Sehubungan dengan itu, salah satu projek untuk komuniti yang dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara adalah Pembangunan Laman Kampung Melayu Kluang. Ternyata pemilihan lokasi tersebut adalah sangat tepat kerana dengan daya tampungan penduduk yang berjumlah kira-kira 1,000 orang, pembangunan taman menyediakan kemudahan rekreasi yang lengkap bukan sahaja kepada penduduk sekitar malah kepada penduduk di sekitar bandar Kluang. Penambahan ruang kawasan hijau ini berupaya menampung keperluan rekreasi dan riadah masyarakat setempat yang semakin meningkat selain taman rekreasi sedia ada di bandar Kluang seperti Taman Merdeka dan Taman Tasik Kluang.

Dengan keluasan 1.2 hektar, kawasan yang dahulunya merupakan tapak pasar minggu telah berubah wajah kepada sebuah kawasan interaksi sosial bagi segenap lapisan masyarakat. Bermula dengan peringkat rekabentuk pada tahun 2015, akhirnya taman yang bernilai hampir RM3.0 juta ini telah berjaya direalisasikan pembinaannya bermula pada penghujung tahun 2016 dan siap untuk digunakan pada Mei 2018.

Laman Kampung Melayu Kluang berkonsepkan *congregation* di mana ia bertujuan untuk menggalakkan penduduk sekitar menjalankan aktiviti riadah secara beramai-ramai bagi mewujudkan gaya hidup yang sihat. Selain itu, komuniti setempat juga berupaya untuk mengukuhkan interaksi sosial merentas pelbagai kategori pengguna taman.

Kehadiran pengunjung ke taman akan disambut dengan sebuah pentas utama yang akan mengalu-alukan kedatangan ke kawasan tersebut. Berkonsepkan bumbung limas yang sememangnya sinonim dengan seni bina di Johor, pengunjung boleh menggunakan ruang tersebut sebagai ruang interaksi keluarga selain boleh digunakan untuk pelbagai acara rasmi. Rimbunan pepohon teduhan di sekeliling selain dihiasi tanaman renek yang berwarna-warni, berupaya menarik minat pengunjung untuk 'meneroka' taman ini selanjutnya.

Taman rekreasi seharusnya menyediakan kemudahan bagi segenap lapisan umur masyarakat kerana ia merupakan antara wadah interaksi sosial dalam sesebuah keluarga. Atas faktor tersebut, Laman Komuniti Kampung Melayu Kluang telah menyediakan kawasan alatan senaman yang dilengkapi dengan peralatan seumpama berada di dalam sebuah gimnasium. Terdapat juga peralatan senaman yang diletakkan di tepi laluan pejalan kaki sekitar taman ini. Di kawasan alatan senaman ini juga disediakan *wall climbing* bagi pengguna yang menggemari aktiviti lasak dan mencabar.

Tarikan utama bagi taman ini semestinya di kawasan alatan permainan kanak-kanak di mana telah disediakan dua set alatan permainan untuk kanak-kanak berumur 4 hingga 6 tahun dan 7 hingga 12 tahun. Pengasingan alatan permainan mengikut kategori umur adalah penting bagi mengelakkan kecederaan terutamanya kepada kanak-kanak kecil. Pemasangan alatan permainan yang berwarna-warni dan ceria telah dapat menarik perhatian golongan kanak-kanak tanpa mengira waktu. Ini ditambah pula dengan lokasi taman yang terletak di tepi jalan utama Kampung Melayu Kluang, ia telah berjaya menarik perhatian sesiapa sahaja yang melalui jalan tersebut untuk berhenti dan menikmati keseronokan berada di taman ini.

Bersesuaian dengan corak hidup masa kini yang mementingkan kesihatan dan gaya hidup sihat, penyediaan gelanggang serbaguna (futsal, badminton, sepak takraw dan bola keranjang) telah menarik minat pengunjung untuk mengadakan aktiviti sukan di taman ini. Memandangkan taman ini dilengkapi dengan sistem pencahayaan yang baik, kebanyakan pengunjung didapati lebih gemar untuk menggunakan gelanggang tersebut pada waktu malam. Taman ini tidak sunyi dengan adanya kumpulan pengguna yang akan memeriahkan setiap gelanggang yang telah disediakan.

Di hujung taman juga telah dibina plaza yang memuatkan tempat duduk untuk pengunjung berehat dan bersantai. Rekabentuk tempat duduk yang unik berupaya mewujudkan ruang riadah kepada setiap pengguna taman. Penyediaan gazebo di sekitar taman dapat menyediakan ruang santai untuk seisi keluarga. Secara tidak langsung, ia dapat mewujudkan suasana yang harmoni dan interaksi sosial di kalangan ahli keluarga dan masyarakat setempat dalam menjalani kehidupan seharian. Laluan pejalan kaki turut disediakan bagi kemudahan pengunjung untuk berjoging mahupun sekadar berjalan kaki untuk menikmati suasana persekitaran.

Laman Kampung Melayu Kluang telah berjaya menjadi salah sebuah kawasan rekreasi aktif bagi penduduk Kampung Melayu khususnya dan warga Kluang amnya. Penyediaan elemen rekreasi berupaya menarik minat pengunjung untuk menjalankan aktiviti riadah mahupun sekadar bersiar-siar di kawasan taman sambil menghirup udara segar. 'Buah tangan' Kerajaan Persekutuan ini telah memberi impak yang besar terhadap kualiti hidup serta berupaya meningkatkan gaya hidup sihat masyarakat setempat. Adalah diharapkan agar penyediaan taman rekreasi seumpama ini dapat memberi manfaat secara menyeluruh ke arah meningkatkan kualiti persekitaran kehidupan masyarakat sejagat.



Kemudahan rekreasi yang disediakan menitikberatkan keperluan semua peringkat



Laluan pejalan kaki dan gazebo untuk kemudahan rekreasi dan interaksi sosial

# PROGRAM TERAS JLN

## SEKITAR LAMAN KAMPUNG MELAYU KLUANG, JOHOR



Pintu masuk utama taman



Pemilihan alatan permainan dan EPDM dengan warna yang terang dan ceria berupaya menarik perhatian kanak-kanak untuk bermain



Kawasan pentas utama digunakan sebagai kawasan aktiviti sukan kanak-kanak tadika



Sistem pencahayaan yang baik dapat menggalakkan pengguna untuk beriadah pada waktu malam



Alatan permainan kanak-kanak antara kawasan utama tumpuan pengunjung



Pemilihan komponen alatan permainan penting dalam memastikan keselamatan kanak-kanak semasa menggunakannya



Laman Kampung Melayu Kluang menjadi kawasan rekreasi baru bagi masyarakat sekitar bandar Kluang



Gelanggang serbaguna bagi kemudahan masyarakat untuk bersukan



Penyediaan gelanggang serbaguna dapat menggalakkan aktiviti sihat



*Wall climbing* disediakan bagi pengguna yang menggemari aktiviti lasak dan mencabar

# PROGRAM TERAS JLN

# PASUKAN PROJEK LAMAN KAMPUNG MELAYU, KLUANG,JOHOR

| | | |
|---|---|---|
| Pasukan Rekabentuk | : | En. Muhammad Safeer bin Rosli<br>(Arkitek Landskap - Perekabentuk) |
| | : | Pn. Norjihah bt Yahya<br>(Arkitek Landskap - Perekabentuk) |
| | : | En. Mohd Jafni bin Mohd Amer<br>(Penolong Arkitek Landskap) |
| | : | Pn. Nurhidayati bt. Jofri<br>(Penolong Arkitek Landskap) |
| | : | En. Azhar bin Zukri<br>(Penolong Arkitek Landskap) |
| Pegawai Penguasa | : | En. Mohd Salleh bin Mahmood |
| Wakil Pegawai Penguasa Utama | : | Pn. Ramona bt. Razali |
| Wakil Pegawai Penguasa Pakar (Juruukur Bahan) | : | Sr. Salwa bt. Shahruddin (2016-2017)<br>Pn. Mudina bt. Mohd Noor @ Yahaya (2017)<br>Sr. Mohd Riza bin Senin (2017-2019) |
| Wakil Pegawai Penguasa Pakar (Jurutera Awam dan Struktur) | : | En. Wan Adib bin Wan Mohd Taufek (2016-2017)<br>En. Adam bin Ali (2017-2019) |
| Wakil Pegawai Penguasa Tapak | : | En. Muhammad Safeer bin Rosli |
| Penyelia Tapak Bina | : | En. Mohd Jafni bin Mohd Amer |
| Penolong Arkitek Landskap | : | Pn. Hafiza bt Mohd. Arsau |
| Penolong Juruukur Bahan | : | En. Ashaari bin Mohamed Hanafi |



Pentas utama berkonsep bumbung limas

## PROGRAM TERAS JLN

# DATARAN BAGAN DATUK "PEKAN DI MUARA SUNGAI PERAK"


Pandangan keseluruhan Dataran Bagan Datuk dengan minaret, pentas dan dinding dekoratif

Penulis : Adam Ali dan Dalila Mohamed Noor
Bahagian Khidmat Teknikal

Dataran Bagan Datuk merupakan sebuah dataran di dalam bandar yang dibangunkan dengan konsep 'Bandar Pesisir Laut'. Matlamat utama pembangunan adalah untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa untuk penduduk tempatan selain berfungsi sebagai pedestrian linkage kepada pengunjung dan pelancong ke pekan Bagan Datuk.

Projek bermula pada tahun 2016 dengan fasa perancangan, rekabentuk dan perolehan sebelum mula dilaksanakan di tapak pada 19 Disember 2017. Projek siap pada 11 Januari 2018. Pelaksanaan projek adalah secara konvensional dalaman Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Khidmat Teknikal dengan kerjasama Majlis Perbandaran Teluk Intan.
Tapak pasar lama di kawasan asal dataran ini telah dibangunkan secara komprehensif dengan kos keseluruhan sebanyak RM2.5 juta . Komponen pembangunan adalah seperti berikut:

1. Dataran sebagai ruang pelbagai guna, dilengkapi dengan elemen-elemen seperti tempat duduk, pokok teduhan dan pencahayaan bagi menyokong aktiviti masyarakat setempat seperti sambutan acara/perayaan.
2. Minaret dengan gabungan rekabentuk senibina Islam dan Melayu, disimbolikkan melalui 'rumah api' bersesuaian dengan lokasi Bagan Datuk yang terletak di muara Sungai Perak.
3. Pentas diilhamkan daripada 'dataran di pesisir pantai' yang akan dibangunkan bersebelahan dengan minaret.
4. Arca Bagan Datuk sebagai simbolik transformasi Bagan Datuk yang telah diumumkan sebagai satu daerah baharu di Perak. Bentuk sfera yang bersifat global, diambil dari metafora buah kelapa direkabentuk dengan gaya 'hipster', sesuai dengan peredaran zaman, seiring dengan pembangunan yang kian pesat di Daerah Bagan Datuk.
5. Dinding dekoratif yang dibina setinggi 2.5 meter berkonsepkan binaan fasad rumah kedai lama di era tahun 1910-1940an, sebagai simbol sebuah pekan lama yang aktif dengan aktiviti masyarakat setempat.
6. Alatan permainan kanak-kanak berkonsepkan pemainan interaktif yang merangsang deria, meningkatkan pemikiran dan daya berfikir kanak-kanak ketika bermain. Disamping itu, ia turut membantu meningkatkan kecergasan fizikal kanak-kanak melalui aktiviti memanjat, melompat, berlari dan menyorok.

Dataran Bagan Datuk telah memberi imej baru kepada Daerah Bagan Datuk. Masyarakat setempat kini mempunyai ruang landskap yang unik bagi menyokong aktiviti harian mereka. Selain daripada memberi impak positif kepada masyarakat setempat, Dataran Bagan Datuk dengan identiti baharu dan unik ini mampu menarik perhatian pengunjung luar, sekaligus membantu meningkatkan lagi taraf sosio ekonomi penduduk di sini.


Keseluruhan kawasan Plaza 1


Plaza 2 terletak di depan bangunan MARA


Minaret Bagan Datuk


Minaret dan pentas pada waktu matahari hampir terbenam

# PROGRAM TERAS JLN

## PASUKAN PROJEK DATARAN BAGAN DATUK

| | |
|---|---|
| Pasukan Rekabentuk | Pn. Ramona bt Razali<br>[Arkitek Landskap Kanan]<br>En. Jasni bin Sabidin<br>[Arkitek Landskap-Perekabentuk]<br>Pn. Fariza Hanim bt. Muhamad Jamil<br>[Penolong Arkitek Landskap Kanan]<br>En. Mohd Jafni bin Mohd Amer<br>[Penolong Arkitek Landskap] |
| **Pasukan Pelaksana** | |
| Pegawai Penguasa | En. Mohd Salleh bin Mahmood |
| Wakil Pegawai Penguasa Utama | En. Wan Adib bin Wan Mohd Taufek<br>[2016-2017]<br>En. Adam bin Ali [2017 – kini] |
| Wakil Pegawai Penguasa Pakar<br>[Jurukur Bahan] [2016] | Sr. Hanawati bt Hashim<br><br>Sr. Salwa bt. Shahruddin<br>[2016-2017]<br>Pn. Mudina bt. Mohd Noor @ Yahaya<br>[2017]<br>Sr. Mohd Riza bin Senin<br>[2017-kini] |
| Wakil Pegawai Penguasa Tapak | Pn. Dalila bt. Mohammed Nor |
| Penyelia Tapak Bina | En. Sahril Asuwat bin Asmat |
| Penolong Juruukur Bahan | Pn. Savilen bt. Alitin |







# PROGRAM TERAS JLN


Reka bentuk bangku dan kotak penanaman di kawasan tempat letak kereta


Reka bentuk Arca Bagan Datuk diambil dari metafora buah kelapa


Kemudahan wakaf untuk tujuan istirehat


Pangkin sebagai tempat istirehat


Dataran yang berfungsi sebagai ruang riadah masyarakat setempat


Idea perekabentuk bagi dinding dekoratif

Binaan dinding dekoratif


Kawasan permainan kanak – kanak

# PROGRAM TERAS JLN

## PELAN INDUK LANDSKAP MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TA'ZIM

Penulis : Norjuridah bt Kasmuri
Bahagian Pembangunan Landskap

### PENGENALAN

Pembangunan sesebuah bandar yang efisien dan mampan perlu mengambilkira semua aspek pembangunan yang optimum dan seimbang bagi mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa dan sejahtera. Penyediaan dokumen pelan induk landskap yang mengandungi perancangan rupa bentuk bandar, perhubungan bandar, identiti bandar, pemeliharaan kawasan semulajadi serta keperluan kawasan hijau dan rekreasi disediakan untuk memandu inisiatif-inisiatif pembangunan dan pembaikan bandar dalam tempoh 12 tahun.

Satu kajian pelan induk landskap yang telah didokumenkan pada tahun 2018 adalah Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Ta'zim. Pelan Induk Landskap tersebut telah dilaksanakan secara lantikan perunding dengan tempoh masa dan kos bagi pelaksanaan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Kajian | Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Ta'zim |
| Tempoh Masa | 14 Bulan |
| Perunding Arkitek Landskap | Tropics Design |
| Pegawai Projek JLN | Wan Fakaruddin bin Wan Ab. Aziz<br>Intan Maisarah binti Razali |

Pelan Induk Landskap adalah satu pelan tindakan jangka masa panjang yang komprehensif dalam aspek pembangunan landskap, penyediaan kawasan lapang dan taman-taman awam. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti karakter landskap setempat yang dapat membantu dalam pembentukan identiti kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi (MDKT). Kajian ini menggunapakai pendekatan Penilaian Karakter Landskap atau dikenali sebagai Landscape Character Assessment (LCA) yang merupakan satu kaedah dalam menentukan karakter landskap dan juga nilai setempat yang tersendiri.

Proses pemetaan Penilaian Karakter Landskap ini melibatkan aktiviti menghurai pelbagai jenis elemen, menginterpretasi, menilai dan mengklasifikasikan kawasan dan jenis karakter landskap tersebut. Terdapat tiga Karakter Utama Landskap setempat iaitu :

i. Warisan Sejarah
ii. Warisan Semula Jadi
iii. Warisan Budaya

Kajian ini juga menyediakan Cadangan Dasar dan Strategi Landskap, Garis Panduan Landskap, Cadangan Reka Bentuk Kawasan Terperinci serta Pelan Pengurusan Landskap yang dijadikan sebagai rujukan bagi sebarang perancangan pembangunan landskap pada masa akan datang di kawasan MDKT.




Muka Hadapan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Kota Tinggi, Johor Darul Ta'zim

# PROGRAM TERAS JLN

## MATLAMAT PELAN INDUK LANDSKAP MDKT

Menjadikan kawasan MDKT sebagai daerah pelancongan yang berasaskan landskap warisan sejarah dan semula jadi yang mampan.

## KONSEP DAN TEMA PEMBANGUNAN LANDSKAP

### 'KANVAS KOTA WARISAN'

### Lakaran Sejarah Kota Tinggi

- Konsep 'Kanvas' adalah merujuk kepada latar belakang dan skop penceritaan sejarah yang melindungi warisan dan sejarah yang terdapat di kawasan MDKT.
- Perkataan 'Kota' adalah interpretasi kepada tapak kajian yang dikenali sebagai kota pertahanan oleh Kesultanan Johor Lama di sepanjang persisiran Sungai Johor.
- Perkataan 'Warisan' adalah dikaitkan dengan identiti MDKT yang mempunyai nilai warisan sejarah, budaya dan semula jadi yang tinggi.

## PELAN INDUK LANDSKAP



Pembangunan Pelan Induk Landskap MDKT

Sasaran Pembangunan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Kota Tinggi meliputi aspek-aspek dalam perancangan secara keseluruhan. Berikut adalah beberapa perkara utama yang dikenalpasti dalam pembangunan iaitu:

i. Pembangunan Landskap Kawasan Pintu Masuk
ii. Pembangunan Landskap Bandar
iii. Pembangunan Landskap Jalan Protokol
iv. Pembangunan Taman Awam dan Rekreasi
v. Pemulihan Kawasan Landskap
vi. Pembangunan Hab Agro
vii. Pembangunan Landskap Hab Akademi YPNJ, Kota Tinggi
viii. Pembangunan Jejak Kembara Wangsa Ulu Sungai Johor, Kota Tinggi



## CADANGAN KAWASAN PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN LANDSKAP



Pelan tindakan pembangunan landskap

Lima kawasan tindakan pembangunan yang dikenalpasti berpotensi sebagai kawasan pembangunan landskap adalah dilihat berdasarkan kepada fungsi dan konteks persekitaran setempat. Kawasan tersebut adalah seperti berikut:

i. Cadangan Konservasi Kunang-Kunang Persisiran Sungai Johor
ii. Cadangan Jejak Warisan Kesultanan Melayu Johor dan Sejarah Kolonial Inggeris Kota Tinggi
iii. Cadangan Pemulihan (Revitalisation) Landskap Perbandaran Kota Tinggi
iv. Cadangan Riadah Air Terjun Kota Tinggi
v. Cadangan Taman Ekologi Tanjung Sedili



# PROGRAM TERAS JLN

## TAMAN AWAM BANDAR PUTERI JAYA, SUNGAI PETANI, KEDAH



Pintu gerbang dengan rekabentuk moden dari kombinasi *brick* dan *mild steel*

**Maklamat  dan Objektif Pembangunan**

Menjadikan kawasan pembangunan Taman Awam Bandar Puteri Jaya sebagai sebuah kawasan rekreasi dengan tujuan sebagai tarikan pengunjung setempat untuk berkumpul bersama keluarga dan komuniti bagi melakukan pelbagai aktiviti rekreasi dan riadah.

**Konsep Rekabentuk**

Taman Awam Bandar Puteri Jaya ini direkabentuk berasaskan konsep *restorasive and healing environment* iaitu menyediakan kemudahan rekreasi diatas tapak yang telah dicemari (Brown's Field) akibat aktiviti pembinaan supaya dapat  diguna pakai oleh pengunjung setempat.



*Dry creek* antara elemen yang berfungsi sebagai laluan air (*direct water runoff*) ketika musim hujan



*'Alphabet Garden'* yang bercirikan pendidikan akan menjadi tumpuan terutamanya kepada kanak-kanak.



Menara tinjau yang terletak dibahagian tertinggi tapak untuk memberikan satu pemandangan keseluruhan tapak dan pembangunan sekitar.



PERSPEKTIF

# JLN MERAIKAN SAMBUTAN HARI KEBAHAGIAN SEDUNIA 2019

Penulis : Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Hari Kebahagian Sedunia (International Day of Happiness) disambut pada 20 Mac setiap tahun di seluruh dunia. Sambutan yang dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2013 bertujuan untuk mewujudkan kesejahteraan dan keamanan dalam kalangan masyarakat. Jabatan Landskap Negara turut meraikan Hari Kebahagiaan Sedunia 2019 peringkat Kementerian Wilayah Persekutuan yang dianjurkan oleh PLANMalaysia. Sambutan diadakan di perkarangan Ibu Pejabat PLANMalaysia, Jalan Cenderasari Kuala Lumpur pada 20 Mac 2019 yang lalu dan disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. Puan Hajah Rotina binti Mohd. Daik, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara turut menghadiri majlis sambutan yang diadakan bersekali dengan Perhimpunan Bulanan Kementerian Wilayah Persekutuan.

Jabatan turut menghantar penyertaan bagi pertandingan-pertandingan yang diadakan bersempena sambutan tersebut iaitu dua penyertaan bagi pertandingan buku skrap kebahagiaan (happiness scrap book) serta satu penyertaan bagi pertandingan dekorasi kek (cake decoration) dan pertandingan happy busker. Wakil Jabatan iaitu Puan Lailatul Badariah binti Mohd Ikmal Hisham telah memenangi tempat ketiga bagi pertandingan dekorasi kek. Manakala JLN Band yang dianggotai oleh Wan Fakaruddin bin Ab. Aziz, Mohamed Nor Izam bin Mohd Eswan, Raja Shahrul Iskandar bin Raja Aris, Mohd Ikrul Naim bin Abdul Rahman dan Shahrul Hardy bin Adnan telah memenangi tempat kedua bagi pertandingan happy busker.







KP JLN bergambar bersama wakil jabatan yang menyertai sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia 2019






JLN Band membuat persembahan lagu bertemakan kebahagiaan






Wakil JLN memenangi tempat ketiga bagi pertandingan dekorasi kek bertemakan kebahagiaan

*Kredit gambar: Jurugambar PLANMalaysia

# PERSPEKTIF

## KEMPEN TANAM POKOK BERSAMA KOMUNITI PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

Penulis : Noor Fadilah binti Yusop @ Othman
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Pada 15 Februari 2019 telah berlangsung aktiviti Kempen Tanam Pokok bersama komuniti Wilayah Persekutuan Labuan di Kampung Sungai Miri. Majlis telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan. Aktiviti Kempen Tanam Pokok anjuran Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Perbadanan Labuan dilaksanakan sebagai salah satu aktiviti pengisian Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2019 dan merupakan aktiviti pertama sejak Jabatan Landskap Negara berada di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan.

Pengisian utama aktiviti adalah penanaman sejumlah 150 pokok teduhan pelbagai spesis untuk memperindahkan pantai Kampung Sungai Miri yang disumbangkan oleh Jabatan Landskap Negara. Aktiviti senam robik dan gotong-royong pembersihan pantai Kampung Sungai Miri turut diadakan sebagai pengisian program. Program yang dianjurkan bersama Perbadanan Labuan dengan kerjasama jabatan-jabatan serta agensi di bawah Wilayah Persekutuan ini turut disertai oleh penduduk Kampung Sungai Miri, pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains Labuan.



YB Menteri Wilayah Persekutuan memberi ucapan perasmian




Penanaman pokok oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan


Penanaman pokok oleh YBhg Datuk Seri KSU KWP


Antara pokok teduhan yang telah ditanam disepanjang pantai Kampung Sungai Miri


Gotong-royong pembersihan pantai Kampung Sungai Miri



Aktiviti senam robik yang disertai oleh komuniti setempat, pelajar sekolah dan universiti serta agensi

# BINGKISAN PBT

## PROGRAM AGROBANDAR@PJ, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Penulis : Nurbaiti Abd Wahab (MBPJ)

### Program Agrobox
### Jabatan Landskap,
### Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Agrobox – Inovasi Sistem Aquaponik
Sistem Akuaponik mempunyai sejarah yang tersendiri, walaupun terdapat beberapa perdebatan mengenai awal kewujudannya. Dalam sejarah kuno, dikatakan kaum etnik Aztec (satu suku kaum Mexico yang mendominasi keseluruhan besar Mesoamerika yang hidup sekitar abad ke-14 hingga 16) yang memulakan penggunaan sistem akuaponik dalam kehidupan seharian mereka. Di negara Barat pula, para saintis di Institut New Alchemy (Cape Cod, 1969-1991) telah memulakan eskperimen bagaimana untuk menukarkan sisa perkumuhan ikan kepada baja yang boleh digunakan sebagai sumber pembesaran tumbuhan. Negara Amerika Syarikat, Kanada, Barbados dan juga Australia telah mula mempopularkan sistem akuaponik dalam skala besar dan juga kecil. Mereka mula mempelbagaikan jenis hidupan akuatik dan juga tanaman yang sesuai diaplikasikan ke dalam sistem ini. Manakala di Malaysia, sistem ini masih boleh dikatakan baru di kalangan warganya kecuali mereka yang berkecimpung di dalam bidang akuakultur dan teknologi pertanian.

Sistem akuaponik ini akan menyalurkan air dari tangki hidupan akuatik yang bertoksik kepada tumbuhan dan ianya akan menyerap dan mendapatkan sepenuhnya zat nutrien yang dihasilkan daripada perkumuhan hidupan akuatik. Selepas itu, secara semulajadi tanaman akan membekalkan semula air yang bersih dan bebas toksik bagi hidupan akuatik tersebut. Hidupan akuatik yang tinggal dalam air tawar amat sesuai untuk diaplikasikan kepada sistem akuaponik ini kerana kebanyakan tanaman memerlukan air tawar untuk hidup. Hidupan air masin boleh juga digunakan, tetapi tanaman yang akan digunakan juga perlulah sesuai dengan air masin. Sistem ini akan memastikan kitaran semulajadi akan berterusan tanpa henti. Air hanya perlu ditambah apabila berlaku kekurangan disebabkan oleh penyerapan oleh tanaman, penyejatan secara semulajadi oleh udara dan juga apabila tangki ikan dibersihkan.

Cetusan idea program Agrobandar@PJ
Statistik golongan miskin bandar yang tinggi di Petaling Jaya dan statistik kes jenayah di kalangan penempatan komuniti berpendapatan rendah mendorong pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk mempelopori idea-idea yang boleh mengurangkankan kadar statistik tersebut. Projek sulung yang dilaksanakan oleh MBPJ adalah menempatkan sebuah unit Agrobox di Dataran Anak Muda, PJS 1/25, Petaling Jaya di mana penerima projek adalah Persatuan Penduduk PJS 1/25: South Avenue. Universiti Malaya merupakan penaja program Agrobandar@PJ pertama, bertempat di Dataran Anak Muda, Taman Medan. Teknologi akuaponik disediakan oleh Malaysian Institute Of Sustainable Agriculture (MISA) manakala MBPJ berperanan sebagai koordinator untuk keseluruhan program komuniti ini.

MBPJ memilih program ini kerana ia menggabungkan pelbagai aspek, antaranya pembelajaran teknologi hijau dalam pertanian bandar, peranan penglibatan komuniti dalam usaha penghijauan bandar, pembangunan e-keusahawanan serta usaha menurunkan kadar jenayah dan kadar kemiskinan bandar.

MINI Agrobox – Unit Kompak Agrobox
Agrobox merupakan unit yang besar dan agak mahal bagi mendapatkan penajaan, di mana MBPJ gigih menjalankan aktiviti pemasaran dan mencari penaja bagi unit Agrobox ini. Buat masa ini, program ini telah berkembang ke dua buah sekolah iaitu SK Sri Klana dan SMK Sultan Abdul Samad, ke lokasi rumah-rumah tinggal (abandoned) di sekitar Taman Medan, Perpustakaan Awam Selangor Desa di Kg. Lindungan dan pejabat Jabatan Landskap MBPJ. Dijangkakan sehingga hujung tahun ini, dua lagi lokasi akan menyertai program ini iaitu di Perpustakaan Awam MBPJ dan Klinik MBPJ.



Unit Kompak Agrobox di pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MPBJ)

# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## HEBAHAN DAN PROMOSI PROGRAM JABATAN 2019

Sumber : Bahagian Promosi dan Industri Landskap




SESI WAWANCARA HARI LANDSKAP NEGARA 2019
BERSAMA WARTAWAN AKHBAR KOSMO PADA 22 FEBRUARI 2019 DI JLN
Tetamu :
YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik,
Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara




SESI WAWANCARA HARI LANDSKAP NEGARA 2019
BERSAMA WARTAWAN AKHBAR WILAYAHKU PADA 22 FEBRUARI 2019 DI JLN
Tetamu :
YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik,
Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara



HEBAHAN SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019
DALAM RANCANGAN SELAMAT PAGI MALAYSIA, RTM
PADA 26 FEBRUARI 2019 DI WISMA TV, ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
Tetamu :
En. Meor Saadon Sofian bin Mior Razali
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), JLN
dan
YBhg. Datuk Baharuddin bin Aziz
Naib Presiden (Landskap dan Taman), Perbadanan Putrajaya

# PERISTIWA DAN AKTIVITI




HEBAHAN SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019 DALAM SLOT RADIO KLFM PADA 27 FEBRUARI 2019 DI WISMA RADIO, ANGKASAPURI, KUALA LUMPUR
Tetamu :
Dr. Mazifah binti Simis
Pengarah Bahagian Dasar dan Pengurusan Korporat, JLN



HEBAHAN SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019 DALAM SLOT PERSPEKTIF, RADIO NASIONALFM PADA 28 FEBRUARI 2019
Tetamu :
YBrs. Puan Hajah Rotina binti Mohd Daik
Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara



PM: Aesthetic value just as vital

Mahathir wants landscaping to be part of development

Surat Khabar The Star
Rencana Sambutan Hari Landskap Negara
4 Mac 2019



PM: Landscaping should become Malaysian culture

Surat Khabar New Straits Times
Rencana Sambutan Hari Landskap Negara
4 Mac 2019



Guna kelebihan sumber cantikkan landskap negara

Surat Khabar Berita Harian
Rencana Sambutan Hari Landskap Negara
4 Mac 2019



Landskap ibu negara perlu diimbangi persekitaran hijau, seni dan budaya

Kuala Lumpur perlu ada karakter sendiri

Akhbar Wilayahku
Rencana Sambutan Hari Landskap Negara
1 – 7 Mac 2019



Kebun Komuniti USJ14 Grabs Second Spot in National Landscape Contest

SJ Echo Our Comunitty, Our Bulletin
Rencana Kebun Komuniti USJ14
March 2019



Jadikan usaha mencantikkan landskap budaya Malaysia – PM

Surat Khabar Utusan Malaysia
Rencana Sambutan Hari Landskap Negara
4 Mac 2019

# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## AKTIVITI-AKTIVITI DI TAMAN PERSEKUTUAN BUKIT KIARA, KUALA LUMPUR







| | | |
|---|---|---|
| Nama Program | : | MAD ENDURO SERIES 2019 (Mad Enduro Sdn Bhd) |
| Tarikh & Masa | : | 23 Februari 2019 (Sabtu) – 6.30 pagi hingga 5.30 petang. |
| Lokasi | : | Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. |
| Peserta | : | 200 orang (peserta dari dalam dan luar negeri). |
| Aktiviti | : | Extreme Mountain Bike Race |









| | | |
|---|---|---|
| Nama Program | : | EARTH HOUR DAY 2019 (Malaysian Nature Society-MNS) |
| Tarikh & Masa | : | 30 Mac 2019 (Sabtu) – 7.00 hingga 11.30 malam |
| Lokasi | : | Zon Arboretum, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. |
| Peserta | : | 100 orang (peserta dari pengunjung & penduduk sekitar yang berdekatan). |
| Aktiviti | : | Mempelajari habitat serangga Kelip-kelip @ Firefly di TPBK. Mendapat pengiktirafan Kelip-kelip Terbesar di Dunia terdapat di TPBK.(The Largest Fireflies In The World At Kuala Lumpur). |








| | | |
|---|---|---|
| Nama Program | : | RIVER WALK WATER QUALITY (Global Environment Centre) |
| Tarikh & Masa | : | 30 Mac 2019 (Sabtu) – 8.00 pagi hingga 2.00 petang |
| Lokasi | : | Zon Arboretum, Taman Persekutuan Bukit Kiara, Kuala Lumpur. |
| Peserta | : | 20 orang (peserta dari Sekolah Menengah Damansara Heights). |
| Aktiviti | : | Mempelajari habitat hidupan air dan pengkelasan kualiti Air. |

# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## LAWATAN KERJA YBHG. DATUK SERI BORHAN DOLAH KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM KE TAMAN BOTANI PERAK

Pembangunan **Taman Botani Perak** berhampiran dengan Taman Tasik Taiping telah menjadikan ianya salah satu tarikan utama bagi *Taiping Lake Trail* selain dari Taman Tasik Taiping dan *Rain Tree Walk*. Sehubungan dengan itu Taman Botani Perak telah disenaraikan sebagai salah satu kawasan untuk dilawati oleh **Datuk Seri Borhan Dolah**, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam sempena lawatan kerja beliau ke Daerah Larut Matang, Perak pada **8 Mac 2019**.

Lawatan ke Taman Botani Perak turut dihadiri oleh wakil Jabatan Landksap Negara, ketua-ketua Jabatan Majlis Perbandaran Taiping serta pihak perunding. Semasa lawatan, taklimat telah disampaikan oleh En. Meor Saadon Sofian bin Mior Razali, Timbalan Ketua Pengarah, Cawangan Dasar dan Pengurusan Landskap berkaitan perancangan dan pembangunan Taman Botani Perak. Seterusnya Datuk Seri KPPA serta rombongan telah dibawa melawat ke sekitar taman botani. Antara kawasan yang dilawati adalah Laman Palma, Laman Endermik Zon Utara, Laman Melayu Perak dan tapak semaian. Di akhir lawatan telah diadakan sesi bergambar di pintu masuk utama Taman Botani Perak.



Delegasi lawatan bergambar di pintu masuk utama Taman Botani Perak.

## MAJLIS PERSARAAN EN. SUHAILI BIN HJ. YUSOFF, PENGARAH BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMULIHARAAN

Kerjayanya di perkhidmatan awam bermula di Jabatan Perancang Bandar dan Desa sebagai seorang juruteknik. Kemudian beliau menyambung pengajiannya di peringkat Ijazah Sarjana Muda Perancang Bandar dan seterusnya diperingkat sarjana dalam bidang Senibina Landskap. Setelah tamat pengajian beliau terus menyumbangkan bakti di Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Namun pada tahun 1997 beliau telah mengorak langkah ke jabatan yang baru iaitu Jabatan Landskap Negara sebagai Penolong Pengarah.

Tanggal 22 Mac 2019 merupakan hari terakhir En. Suhaili bin Hj Yusoff, Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan berkhidmat dalam perkhidmatan awam setelah menyumbang bakti selama 37 tahun dan 9 bulan. Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Landskap Negara selama 22 tahun.

Bagi menghargai jasa bakti yang telah disumbangkan, satu majlis jamuan persaraan anjuran Cawangan Dasar Dan Pengurusan Landskap telah diadakan di ruang legar Tingkat 11, Jabatan Landskap Negara. Majlis dimulakan dengan bacaan doa dan diikuti dengan ucapan Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Landskap (TKP/D). Majlis diteruskan dengan ucapan dari wakil Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan dan disusuli ucapan dari En. Suhaili. Seterusnya majlis disusuli dengan penyerahan dokumen serah tugas beliau kepada TKP(D), penyampaian cenderahati dari Bahagian Penyelidikan dan Pemuliharaan serta Kelab Kebajikan JLN. Kemuncak majlis adalah acara memotong kek oleh En. Suhaili dan jamuan makan.

Selamat menempuh alam persaraan kepada En. Suhaili. Jasamu akan dikenang dan didoakan semoga beroleh kesihatan yang baik dan kesejahteraan.


Wakil dari Kelab Kebajikan menyampaikan cenderahati kepada En. Suhaili


Pn. Fauzana mewakili pegawai dari Bahagian Penyelidkan dan Pemuliharaan menyampaikan cenderahati.

# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## BENGKEL PERINTAH PEMELIHARAAN POKOK (AKTA172)

Satu Bengkel Penggubalan Pelaksanaan Perintah Pemeliharaan Pokok (TPO) di Pihak Berkuasa Tempatan yang dianjurkan oleh Persatuan Arkitek Landskap Awam Malaysia (PALMA) telah diadakan pada 10-12 Februari 2019 bertempat di Majlis Bandaraya Ipoh, Perak. Ia adalah susulan daripada sesi perjumpaan bersama Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara pada 10 Januari 2019. Peserta bengkel terdiri daripada ahli PALMA, Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM) dan juga Arkitek Landskap dari Pihak Berkuasa Tempatan. Bengkel ini bertujuan membincangkan asas pelaksanaan TPO dan peranan serta penglibatan Arkitek Landskap.



Ucapan perasmian oleh Ketua Pengarah JLN



Sesi lawatan kerja YBhg. Datuk Seri KSU bersama pengurusan tertinggi JLN



Sesi menandatangani buku kunjungan rasmi oleh Ketua Pengarah JLN

## LAWATAN KERJA YBHG. DATUK SERI KETUA SETIAUSAHA (KSU) KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN KE JABATAN LANDSKAP NEGARA

YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin Bin Haji Kasim, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Landskap Negara pada 25 Januari 2019 diiringi Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan), Dato' Siti Fatimah Binti Daud. Delegasi lawatan YBhg Datuk Seri KSU telah disambut Ketua Pengarah, Pn. Hajah Rotina Mohd Daik dan Pengurusan Tertinggi JLN.

Sesi taklimat dimulakan dengan pembentangan ringkas mengenai fungsi dan operasi Jabatan Landskap Negara. YBhg Datuk Seri KSU memberi pandangan, aspirasi dan halatuju beliau untuk memantapkan lagi JLN supaya dapat menjadi peneraju di dalam bidang landskap. Harapan beliau juga supaya JLN dapat mewujudkan Negara Taman melalui pembangunan landskap yang berkualiti dan menyeluruh bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan rakyat. Beliau turut meluangkan masa melawat pameran untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program yang dilaksanakan oleh jabatan.

# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## KUNJUNGAN HORMAT MAJLIS DAERAH RAUB, PAHANG

Satu kunjungan hormat daripada Majlis Daerah Raub, Pahang yang diketuai oleh YBhg. Dato' Hamdan Bin Hussin,Yang Dipertua Majlis Daerah Raub, Pahang telah diadakan pada 14 Mac 2019. Kunjungan ini bertujuan bagi mengemukakan beberapa permohonan peruntukan menaiktaraf landskap kawasan Bukit Fraser sempena Majlis Sambutan Perayaan 100 tahun Bukit Fraser yang akan dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke XVI, Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Sultan Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah.



Sesi pertukaran cenderahati antara pihak JLN dan Majlis Daerah Raub





Sesi perbincangan dua hala yang dipengerusikan oleh KP JLN

## *MALAYSIA LANDSCAPE ARCHITECTS AWARDS GALA DINNER 2019*

Malaysia Landscape Architecture Awards (MLAA11 Gala Night 2019) yang telah dianjurkan oleh Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) pada 20 April 2019 di New World Hotel, Petaling Jaya. Majlis dirasmikan oleh YB. Tn. Hj. Khalid Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan

Tahniah diucapkan kepada En. Meor Saadon Sofian Mior Razali, TKP/D JLN kerana menerima Anugerah ILAM "Fellowship Member". Manakala Pasukan Rekabentuk Jabatan Landskap Negara, melalui Taman Awam Puteri Jaya, Sungai Petani pula memenangi anugerah "Best Landscape Analysis and Study Awards". Pn. Hjh. Rotina Mohd Daik, KP JLN diberi penghormatan untuk menyampaikan beberapa anugerah pada majlis tersebut.






Sesi bergambar bersama pemenang dan KP JLN

## SESI PERJUMPAAN KP JLN BERSAMA PERSATUAN ARKITEK LANDSKAP AWAM (PALMA) DAN ARKITEK-ARKITEK LANDSKAP DI PBT

Sesi Perjumpaan Ketua Pengarah JLN, Pn. Hjh. Rotina Mohd Daik bersama Persatuan Arkitek Landskap Awam Malaysia (PALMA) dan Arkitek-Arkitek Landskap di PBT serta Mesyuarat Perlaksanaan TPO yang telah berlangsung pada 10 Januari 2019 di JLN. Mesyuarat ini adalah bertujuan membincangkan berkenaan Perintah Pemuliharaan Pokok di dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa (172). Susulan daripada mesyuarat berkenaan, satu bengkel diadakan di UTC Ipoh, Perak yang dianjurkan oleh PALMA dan disokong oleh JLN.





Sesi bergambar sebelum mesyuarat bermula

# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## IFLA WORLD CONGRESS 2019: COMMON GROUND OSLO, NORWAY

Penulis : Mohd Saifuddin Ali

IFLA World Congress is the platform where landscape architects around the world can share issues, ideas, and inspiration, to ensure the landscape architecture profession is ready to face the requirements of society, the environment, and urban living. For 2019, it is hosted by Norway in Oslo from 18 to 20th. September 2019.

IFLA World Congress 2019 took a closer look at urban transformation, green mobility, healthy and beautiful landscapes and community participation. The main theme of the international conference is Common Ground. The three days conference Oslo aimed to inspire, challenge and intrigue participants in term of their knowledge and experience.
There are many events that have been held at the international conference including student charrette, IFLA World Congress meeting, social program, walk and talk knowledge sharing session, paper presentation and post congress tour.

Student charrette is the intense final effort made by architectural students to complete their solutions to a given architectural problem in an allotted time or the period in which such an effort is made. Many of universities have joined the charrette including University of Technology Malaysia, as the representative from Malaysia. They were being given task to express their feelings and give their metaphor of the current situation in landscape architecture. A part of that, there was a session called "To share the now" is the basis for a performance workshop by visual artist Kurt Johannessen. He is a visual artist, who works with performance, texts and books. He has presented his performances in several countries all over the world and published nearly 100 books. Several of the latest books are part of a series called "Om noko" ("About Something") and have been complemented by performance talks.

IFLA World Congress 2019 offered a social program called Morning Swim: Morning Talk on the first day on 17th September 2019. The tour has begun at 08.00am by the entrance of Thon Hotel in front of the Central Station of Oslo. This was an excellent start when exploring Oslo´s most impressive city development projects. The tour has started heading towards the Opera where participants will pass the construction site of the new commons of the Opera and the Deichmanske Library. Walking on top of the Marple roof of the Opera all participants would be presented how this marvellous building is an important landscape feature in the centrum and along the new water promenade. From the Opera we pass through great landscape architecture along the water, crossing newly built office and residential living areas as well as the new Munch museum and the cultural area of Sukkerbiten.

From the experience of academia, guidelines of local councils to the success landscape plan laid on the ground, this conference has offered a lot of academic and non academic of paper presentation. The paper presentation divided into ten major themes which are:-

i. A retrospect through to our future
ii. Disappearing /Reappearing Landscapes
iii. Migrants and Common Ground
iv. Exploring the Future
v. Participation in Landscape Practices
vi. Landscape for All Ages
vii. Sustainable Transformation Strategies
viii. Sustainable Aesthetics
ix. Beautiful and Healthy Cities
x. Nordic Perspectives



# PERISTIWA DAN AKTIVITI



National Landscape Department has taken part in this international conference. As the beneficiary of the conference, the Director General herself joined the programme by presenting a paper entitled "Cityscape Transformation through Urban Landscape Development in Malaysia: from Plan to Ground in Reinventing Functional and Vibrant Green Spaces". This paper aims to illustrate the implementation of Urban Landscape Program; which utilizes the inventories, proposals and guidelines derived from the Landscape Master Plans prepared for municipals and local authorities all throughout Malaysia.



In addition to presenting the fruitful paper, it also aims to promote Malaysia as a host for the IFLA conference in 2020. On the last day of the conference, there was an event named IFLA Flag Handover Ceremony which held at Oslo City Hall where the same stage Nobel Prize Peace winner received their award. Director General of National Landscape Department together with President of ILAM been invited to the stage to receive the flag from the President of Norwegian Landscape Architects, Mr Rainer Stange and President of International Federation of Landscape Architects, Mr James Hayter.

By and large, this international conference successfully addresses landscape and environmental issues that focus on making betterment of global climate change in line with the Declaration of Earth Summit Rio Summit 1992.









# PERISTIWA DAN AKTIVITI

## FLORIA DIRAJA 2019 DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA

Penulis : Mohd Faizal bin Nashahar
Bahagian Promosi dan Industri Landskap




Festival Bunga dan Taman (Floria Diraja 2019) merupakan pameran bunga dan taman bertaraf Antarabangsa di Malaysia yang berlangsung di Putrajaya. Pada tahun ini Floria Diraja telah diadakan di Taman Botani, Presint 2 Putrajaya dengan tema pada kali ini ialah Orkid dan Bonsai.

Festival Bunga dan Taman (Floria Diraja 2019)ini telah berlangsung selama 9 hari bermula pada 31hb Ogos sehingga 8hb September 2019. Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah berkenan untuk merasmikan festival terbut. Turut berangkat sama ialah Raja Permaisuri Agong, Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ke majlis tersebut. Pasangan diraja itu turut meluangkan masa kira-kira sejam melawat sekitar kawasan tapak festival yang turut diiringi Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abd. Samad dan Presiden Perbadanan Putrajaya, Datuk Dr. Aminuddin Hassim.

Festival kali ke-11 itu mempamerkan satu juta kuntum bunga-bungaan daripada pelbagai jenis termasuk lebih 500 variasi spesis orkid, 100 koleksi bonsai dan 70 pameran taman dengan pelbagai tema dan reka bentuk termasuk jam bunga . Ini termasuklah kategori korporat yang disertai oleh Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Sepang, Dewan Banda-raya Kuala Lumpur,Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Putrajaya Holding, SUK Negeri Terengganu dan Jabatan Landskap Negara (JLN).

Berkonsepkan 'Laman Inderaloka' JLN telah menerima anugerah 'Gold Merit Award' yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan Tuan Haji Khalid Bin Abd. Samad pada acara penutup FLORIA 2019 yang telah diadakan di Anjung VIC Taman Botani Putrajaya.















# SERANTA @ JLN

## INFO KAKITANGAN JABATAN LANDSKAP NEGARA

Penulis: Pn. Nor Arfah binti Mohd Ishak
Bahagian Khidmat Pengurusan

**NAIK PANGKAT**

Rebeka Wati binti Annuar – PAL JA36 **(1 Januari 2018)**
Vickson E Tabak - AL J41 **(16 April 2018)**
Mohd Jafni bin Mohd Amer - AL J41 **(16 April 2018)**

**PEGAWAI BARU**

1. Nur Azizah binti Hamid, Pem. Setiausaha Pejabat N19 **(29 Januari 2018)**
2. Amira binti Mustafa, Pem. Setiausaha Pejabat N19 **(14 Mac 2018)**
3. Nur Aisyah Nazira binti Abd Aziz, AL J41 **(16 April 2018)**
4. Norhafizah binti Che Hassan, Pem. Tadbir (KEW) W19 } **26 April 2018**
5. Kamilah binti Jusoh, Pem. Tadbir (KEW) W19 }
6. Ahmad Radhi bin Rossidin, PAL JA29 } **1 Mei 2018**
7. Safura Solehah binti Saidin, PAL JA29 }
8. Ahmad Farhan bin Zailudin, PTD M41 **(24 Mei 2018)**

**PEGAWAI BERTUKAR KELUAR**

Syarmariahton binti Jusoh, Pem. Tadbir (KEW) W19 } **16 April 2018**
Nur Sufi Yuriena binti Azli, Pem Tadbir (KEW) W19 }
Samala A/P Santhappa, PTD M44 **(24 Mei 2018)**

**PEGAWAI BERSARA PILIHAN**

Kamarul Ariffin bin Ab. Rahim, AL J44 **(30 September 2018)**

## KELAB KEBAJIKAN JABATAN LANDSKAP NEGARA

Penulis: Mohd Nazeiree bin Lep
Pengerusi Kelab Kebajikan JLN

Senarai Ahli Jawatankuasa Kelab Kebajikan JLN sesi 2018-2020:

| | |
|---|---|
| Pengerusi | : En. Mohd Nazeiree Bin Lep |
| Naib Pengerusi | : En. Mohamad Sabrie Bin Mansor |
| Setiausaha | : Pn. Irdazulfa Bt. Ithnin |
| Naib Setiausaha | : En. Abdul Rahman Bin Hussain |
| Bendahari | : Pn. Sakinah Bt. Che Yunus |
| Naib Bendahari | : En. Suffi Syaiful Bin Suremi |
| AJK | : Pn. Dalila Bt, Mohamed Nor |
| | : En. Faizal Bin Nasahar |
| | : En. Hasri Bin Saide |
| | : Pn. Fariza Hanim Bt. Muhammad Jamil |
| | : Pn. Suhana Bt Mohamad Ejam |
| | : En. Meor Yusro Bin Meor Saadon Sofian |
| | : En. Mohd Kamal Bin Mohd Ghadzalli |
| | : En. Mohammad Ikmal Bin Abdul Rahman |
| Juruaudit | : Pn Nor Arfah Bt. Mohd Ishak |
| | : Pn. Mariam Bt. Zainal |

## PEMAKLUMAN

Bermula awal tahun 2018, Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan Secara Elektronik (eSPKB) yang merupakan aplikasi EGAG telah digantikan dengan Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (GFMAS) atau lebih dikenali sebagai iGFMAS yang dibangunkan untuk memantapkan lagi proses pembayaran kerajaan dan juga mengakaunkan kutipan hasil kerajaan dengan cepat dan cekap.

Selain daripada itu, Sistem ePerolehan Baharu juga telah mula digunakan oleh Kementerian dan pembekal Kerajaan mulai 1 Januari 2018 di mana semua perolehan kerajaan dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya. Sistem ePerolehan merangkumi kesemua jenis perolehan Kerajaan. Modul-modul ePerolehan adalah seperti berikut:

1. Pendaftaran Pembekal
2. Kontrak Pusat
3. Kontrak Kementerian
4. Pembelian Terus
5. Sebutharga
6. Tender
7. eBidding

Sehubungan itu, semua pembekal yang berurusan dengan pihak kerajaan perlulah berdaftar dengan e-vendor bagi memudahkan sistem perolehan dan pembayaran dilaksanakan.

*Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Landskap Negara

## UJANA HIKMAH
## KISAH LANDSKAP DAN ALAM SEKITAR DI DALAM AL-QURAN

**SURAH TAHA**

Sumber: Mushaf Malaysia Rasm Uthmani

Tafsir Pimpinan Ar-rahman kepada Pengertian Al-Qurán (30) Juz, Dar Al-Kitab-Malaysia

Surah ini diturunkan di Mekah, mengandungi 135 ayat. Dinamakan surah 'Taha' bersempena dua huruf (Taa, Haa) yang tersebut pada ayat pertama, yang hanya Allah jua yang mengetahui maksudnya.

Diantara intisari kandungan surah ini, Allah Ta'ala menerangkan kepada umat manusia umumnya bahawa Dialah yang menjadikan bumi dan segala isinya untuk keperluan hidup mereka, supaya mereka bersyukur akan nikmat-Nya yang tidak terhingga itu, kerana semuanya itu menjadi tanda-tanda yang jelas nyata yang membuktikan kekuasaan-Nya serta kemurahan-Nya, dan Dialah jua yang berhak disembah dan dipatuhi segala perintah-Nya.

***Allah berfirman:***
***"(DialahTuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlain-lain keadaannya."***
***(Surah Taha : Ayat 53)***

## STATUS KEMPEN TANAM POKOK

Jumlah pokok yang telah ditanam sehingga MEI 2019 :

**20,542,310**




JABATAN LANDSKAP NEGARA
Tingkat 7, Plaza Permata (IGB), Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
Tel.: (603) 4047 0000 | Faks.: (603) 4045 2415